

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 FEB 2015

## Belasungkawa

# Mursyidul Am PAS pejuang ke akhir hayat

**Mursyidul** Am PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat, 84, meninggal dunia malam tadi, adalah seorang ahli politik yang disegani kawan dan lawan sepanjang hayatnya dalam perjuangan parti itu mulai 1967.

Sejarah bukan saja mencatatkan beliau sebagai Menteri Besar Kelantan paling lama, bermula 1990 hingga 2013 tetapi juga seorang ahli politik paling kontroversi.

Nik Aziz atau lebih dikenali sebagai Tok Guru, dilahirkan dalam sebuah keluarga yang sangat kuat berpegang kepada ajaran Islam di Kampung Pulau Melaka, Kota Bharu, Kelantan pada 1931.

Pada 1982, anak kepada pasangan, Nik Mat Raja Banjar dan ibunya, Aminah Majid, menyambung pelajaran ke Universiti Darul Ulum, Deoband, India, dengan mendiiami ilmu Fekah, Usul Fekah, Tafsir al-Quran dan Hadis.

Ketika di India, beliau berguru dengan Sheikh al-Hadith dan guru Tarikat terkemuka di India, Mauiana Mohamad Ahmad Al-Madani, sehingga mem-

peroleh ijazah. Pada 1957, Nik Aziz menyambung pelajaran ke Pakistan dalam bidang Tafsir.

Pada 1958, beliau menyambung pelajaran di Kuliyatul Lughah di Al-Azhar, Mesir hingga memperoleh sarjana muda pengajian Bahasa Arab, sebelum menyambung pelajaran sehingga mendapat sarjana jurusan kehakiman dan perundangan Islam selama 2 tahun.

Sejurus kembali ke tanah air pada lebruari 1962, Nik Aziz mengajar di Sekoiah Meneengah Agama Tarbiyyah Mardhiyyah, Panchor, sebelum berpindah mengajar di Sekolah Agama Darul Anwar, Kampung Pulau Melaka, yang diasaskan bapanya, sebelum meryadi guru di Maahad Muhammadiyah, Kota Bharu.

Pada usia 31 tahun, beliau melangsungkan perkahwinan dengan gadis berusia 14 tahun dari Kampung Panchor. Kemudian, Tuan Sabariah Tuan Ishak (kini Datin) yang menjadi pilihan orang tuanya.

Hasil perkongsian lidup, pasangan bahagia itu dikumiakan 10 cahaya mata yang terdiri di antara Nik Azni,

Nik Umar, Nik AcliL, Nik Abdul Hakim, Nik Abdul, Nik AdilUli, Nik Muhamad Asii, Nik Amani, Nik Amaiana dan Nik Asma' Salsabila.

Nik Aziz menyertai perjuangan PAS mulai 1967 sebelum dipilih sebagai calon Ahli Parlimen Keantantan Hilir (kini Pangkalan Chempaka) beikutian kematian Ahmad Abdullah pada 1969. Beliau mempertahankan kawasan itu selama tiga penggal.

Pada Pilihan Raya Umum 1986, Nik Aziz berpindah kawasan apabila diberi tugas bertanding di Parlimen Bachok dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Semut Api (kini DUN Chempaka).

Walaupun tewas di Parlimen Bachok, kemenangan bagi DUN Semut Api, membolehkan Nik Aziz yang ketika itu Pesuruhjaya PAS Kelantan sejak 1982, meryadi Ketua Pembangkang dalam DUN Keantantan.

Peluang itu membolehkan beliau membeii tumpuan sepenuhnya kepada perjuangan PAS di Keantantan sehingga berhasil menumbangkan kerajaan Barisan Nasional (BN) dengan so-



Nik Aziz

kongan Parti Semangat 46, pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah, menerusi kerjasama Angkatan Perpaduan Ummah (APU) pada Pilihan Raya Umum (PRU) 1999.

Susulan kejayaan dalam PRU 1990, Nik Aziz dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan sehingga bersara daripada jawatan itu selepas PRU 2013, memberi laluan kepada Timbalannya, Datuk Ahmad Yakob. Namun, Nik Aziz mengekalkan kedudukan-

nya sebagai ADUN Chempaka hingga ke akhir hayat.

Sepanjang menjadi Menteri Besar selama 23 tahun, Nik Aziz terkenal dengan kelantangan-nya sehingga menimbulkan banyak kontroversi.

Walaupun tidak lagi menjawat jawatan Menteri Besar, Nik Aziz masih meryadi rujukan PAS kerana statusnya sebagai Mursyidul Am sehingga akhir hayat dan sering mengulas pelbagai isu politik semasa.

# Meninggal selepas 25 hari di hospital

*Nik Aziz  
hembus nafas  
terakhir  
di sisi keluarga*

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@bh.com.my

**M**ursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meninggal dunia malam tadi akibat kanser prostat, selepas menerima rawatan selama 25 hari di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), di sini.

Allahyarham, 84, menghembuskan nafas terakhir pada jam 9.40 malam di sisi ahli keluarga di rumahnya di Pulau Melaka, kira-kira sejam selepas dibawa pulang dari HUSM.

Anaknya, Nik Mohammad Abdul, ketika mengesahkan perkara itu berkata, ayahnya me-

ninggal di sisi semua ahli keluarga mereka.

"Saya ingin memaklumkan pada jam 9.40 malam, iaitu malam Jumaat ayahanda saya menghembuskan nafas terakhir.

"Solatjenazah ayahanda akan diadakan pada jam 10 pagi esok (hari ini) di Masjid Tok Curu, Pulau Melaka sebelum dikebumikan di Tanah Perkuburan Is-

lam Pulau Melaka, katanya pada sidang media di kediaman Tok Guru itu, malam tadi.

Antara yang hadir Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.

Beliau yang juga bekas Menteri Besar Kelantan meninggal kan seorang isteri, Datin Tuan Sabariah Tuan Ishak serta ma- sing-masing lima anak lelaki

dan perempuan selepas menghidap penyakit kanser prostat tahap empat.

Nik Mohamad Abdul yang juga Ahli Parlimen Pasir Mas berharap seluruh rakyat Malaysia mendoakan untuk ayahanda.

Sementara itu, lebih 2,000 orang mula membanjiri kawa-

san kediaman Allahyarham, sebaik mendapat berita Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chempaka itu meninggal dunia.

Suasana sedih menyelubungi pekarangan kediaman Allahyarham apabila orang ramai yang hadir ternyata gagal menahan rasa sedih dan beratur untuk masuk menziarahi jenazah wakil rakyat itu.

**m**  
*Innalillahi wainnailai-  
hirajun (Sesungguhnya,  
dari Allah kita datang,  
kepada Allah, kita  
kembali) Saya sedih  
mendengar Tok Guru  
Datuk Nik Aziz Nik Mat  
telah pulang ke  
Rahmatullah. Al-Fatihah"*

Datuk Seri Najib Raiak,  
Perdarta Menteh

**m**  
*Saya dengan penuh  
rasa dukacita  
menguucapkan takziah  
kepada keluarga  
Allahyarham Datuk Nik  
Aziz Moga roh beliau  
ditempatkan bersama  
hamba-Nya yang salih"*

Tan Sri Muhyiddin Yassin,  
Timblian Perdana Menteri

**m**  
*Semoga Allah  
mengurniakan Syurga-  
Nya buat Tok Guru"*

Datuk Ahmad Yakob,  
Menteri Besar Kelantan

**m**  
*Kita kehilangan  
seorang pemimpin  
yang dihormati dan  
banyak menabur bakti  
kepada Islam, bangsa  
dan negara khususnya  
Kelantan. Takziah"*

Datuk Seri Mustapa  
Mohamed,  
Pengerusi Perhubungan  
UMNO Kelantan